



NUR AISYAWATI BINTI AMBO
JABATAN PERDAGANGAN
POLITEKNIK SULTAN HAJI AHMAD SHAH
KUANTAN, PAHANG



AHMAD MUJAHID BIN HAMZAH
JABATAN KEJURUTERAAN AWAM
POLITEKNIK SULTAN HAJI AHMAD SHAH
KUANTAN, PAHANG

EVENT ONLINE LOG

ABSTRAK

Inovasi yang dibangunkan adalah menggunakan Microsoft OneNote secara atas talian bagi penambahbaikan catatan log aktiviti bertulis kepada *Event Online Log* bagi kursus *Event Organization*. Kursus *Event Organization* merupakan kursus wajib diambil oleh pelajar semester 5 DSK. Kursus ini mendedahkan kepada pelajar mempelajari kedua-dua prosedur iaitu teori dan praktikal yang mana pelajar perlu merancang untuk menganjurkan program atau majlis. Kemudian pelajar perlu mewujudkan ahli jawatankuasa bagi memudahkan program yang dirancang berjalan dengan lancar. Setiap ahli jawatankuasa perlu mencatat log aktiviti sebagai bukti kerja yang dilakukan. Masih terdapat ahli jawatankuasa yang lambat dan tidak mengemaskini log aktiviti secara bertulis walaupun pensyarah telah menetapkan tarikh penghantaran log tersebut. Ini menyebabkan berlaku pembaziran masa dan objektif perancangan program akan terganggu serta terbatas. Analisis yang dijalankan, didapati peratusan pelajar memilih catatan log aktiviti secara atas talian lebih tinggi berbanding menulis. Bagi peratusan yang tinggi adalah secara atas talian iaitu 92% dengan jumlah 23 orang pelajar manakala 8% dengan jumlah 2 orang pelajar memilih untuk mencatat log aktiviti secara bertulis. Analisis tersebut menunjukkan pelajar lebih berminat untuk mencatat log aktiviti secara atas talian. Pensyarah tercetus idea untuk menggunakan Microsoft OneNote secara atas talian sebagai penambahbaikan bagi menggantikan catatan log aktiviti bertulis kepada atas talian bagi kursus *Event Organization*. Inovasi ini lebih menjimatkan masa, boleh diakses pada bila-bila masa dan dikemaskini menggunakan pelbagai alatan elektronik seperti telefon pintar, tablet, komputer dan komputer riba. *Event Online Log* juga mesra pengguna dan interaktif kerana pelajar boleh mengubah sendiri saiz tulisan dan memuatnaik gambar.



PENGENALAN

Inovasi yang dibangunkan adalah menggunakan Microsoft OneNote secara atas talian. Digunakan bagi penambahbaikan catatan log aktiviti secara bertulis kepada secara atas talian yang dinamakan *Event Online Log* kepada pelajar yang mengambil kursus *Event Organization*. Inovasi ini dapat menjimatkan masa, mudah dipantau dan diakses dengan pelbagai peranti dan ia lebih menjimatkan kos percetakan.



PENYATAAN MASALAH

Wujud *Event Online Log* adalah disebabkan setiap ahli jawatankuasa yang dilantik perlu membuat catatan log aktiviti secara bertulis sebagai bukti tugas dilaksanakan. Setiap catatan dibuat, jawatankuasa perlu memastikan ahli kumpulan mencukupi untuk menghasilkan catatan log bertulis. Perkara ini menjadikan perancangan yang dilakukan akan terganggu. Catatan log bertulis juga sukar dipantau cepat dan cetakan log berlaku jika berlaku catatan yang salah.



OBJEKTIF

Event Online Log memudahkan ahli jawatankuasa untuk mengemaskini log masing-masing secara atas talian berbanding bertulis kerana ia lebih mudah dipantau, dikemaskini, diakses dan tidak perlu menunggu semua ahli untuk menyiapkan catatan log. Ia dapat i) menjimatkan masa dan boleh dikemaskini dari semasa ke semasa, ii) boleh digunakan dengan pelbagai kemudahan seperti telefon pintar, tablet, komputer dan komputer riba, iii) pensyarah dapat memantau pelajar dengan cepat dan pantas, iv) Mempercepatkan proses perbincangan terhadap isu permasalahan yang timbul dan v) dapat meningkatkan kesedaran budaya hijau kepada pengguna.



KEPENTINGAN INOVASI

Event Online Log sangat berkepentingan kepada pelajar, pensyarah dan institusi. Ini adalah kerana *Event Online Log* memudahkan pelajar melaporkan log aktiviti pada bila-bila masa mengikut kesesuaian waktu pelajar dan boleh diakses pada bila-bila masa dengan menggunakan pelbagai peranti seperti smartphone, tablet, komputer riba dan komputer. *Event Online Log* dapat membantu pensyarah untuk memantau dengan lebih mudah dan pantas. *Event Online Log* dapat membantu menyokong dalam pelaksanaan Polygreen dalam organisasi.



PERINCIAN INOVASI

Inovasi ini menggunakan perisian Microsoft OneNote secara atas talian

Aplikasi *Event Online Log* dibangunkan

Event Online Log ini adalah sebagai salah satu alat bantu kepada pelajar untuk mencatat log aktiviti secara atas talian bagi membekalkan hasil kerja yang dilakukan

Diakses melalui <https://www.microsoft.com/en-my/microsoft-365/onenote/digital-note-taking>

Perlu mempunyai email untuk sign-in Microsoft OneNote online.

Paparan Notebook telah tercipta dan langkah seterusnya pensyarah menyediakan ruang-ruangan yang berkaitan catatan log aktiviti.

Selepas sign-in, klik pautan +New untuk mencipta Notebook dan namakan Notebook anda

Ruang yang disediakan adalah pengenalan, latar belakang, misionary serta nama jawatankuasa yang dibentuk

Event Online Log disunting mengikut kesesuaian kehendak pengguna. Antaranya adalah boleh dipadam dan ditambah ruang sekiranya ruang



IMPAK INOVASI

92% setuju catatan log atas talian

8% tidak setuju catatan log atas talian

Event Online Log



POTENSI PASARAN & KEUSAHAWANAN

Berpotensi untuk dipasarkan kerana ia boleh diakses pada bila-bila masa dan dikemaskini menggunakan pelbagai alatan elektronik seperti telefon pintar, tablet, komputer dan komputer riba. Dapat menjimatkan masa dan wang ringgit kerana pelajar tidak perlu mencetak log

Produk ini juga berpotensi untuk meningkatkan kesedaran budaya amalan hijau kepada pelajar, pensyarah dan guru sekolah

Event Online Log sangat berpotensi untuk melatih dan memperkenalkan revolusi industri 4.0 kepada pelajar, pensyarah dan guru sekolah

